



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/01/04 (HQ)

TNB SEDIAKAN 145 SET JANAKUASA DI KAWASAN BANJIR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyediakan set janakuasa bergerak dan set janakuasa mudah alih di beberapa lokasi strategik di negeri-negeri yang dilanda banjir di Pantai Timur.

Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, sebanyak sepuluh set janakuasa ditempatkan di beberapa kawasan di Kelantan, dua set di Terengganu dan satu lagi di Pahang.

Menurutnya, TNB juga menyediakan sebanyak 132 janakuasa mudah alih, masing-masing di Kelantan (60), Terengganu (22) dan Pahang (50).

“Janakuasa-janakuasa adalah dalam situasi siapsiaga untuk digunakan terutamanya di premis-premis penting atau strategik seperti hospital dan pusat pemindahan mangsa banjir sebaik diperlukan.”

Sementara itu, operasi beberapa pencawang elektrik (PE) di Kelantan dan Terengganu yang pulih awal petang semalam dihentitugas semula secara berperingkat ekoran paras air yang kembali meningkat.

Setakat jam 2.00 petang ini, operasi empat Pencawang Elektrik (PE) dihentikan melibatkan tiga di Kelantan dan satu lagi di Terengganu.

Henti tugas PE berkenaan adalah bersifat sementara demi keselamatan awam.

Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian TNB CareLine di 15454 bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 5:00 petang, 5 Januari 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*